

>> BERITA > NASIONAL > Malaysia perlu rebut peluang transformasi digital: Mustapa

Malaysia perlu rebut peluang transformasi digital: Mustapa

|| 21 Oktober 2021



Mustapa Mohamed

KUALA LUMPUR - Malaysia perlu merebut peluang transformasi digital kerana ia bukan sahaja kritikal terhadap usaha pemulihan ekonomi Malaysia, tetapi, meningkatkan daya tahan ekonomi negara pada masa depan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Memetik kajian daripada syarikat rundingan ekonomi strategik AlphaBeta beliau berkata, transformasi digital berpotensi mewujudkan nilai ekonomi tahunan di Malaysia sehingga RM257.2 billion menjelang 2030.

"Dalam tempoh yang mencabar ini, rakyat Malaysia telah menunjukkan daya tahan yang luar biasa berikutan kita berkembang dan menyesuaikan diri dengan perubahan situasi disebabkan pandemik ini.

"Ekonomi dan teknologi digital adalah penting untuk membantu perniagaan kekal bertahan, membolehkan pelajar meneruskan pembelajaran, pencari kerja kekal meningkatkan kemahiran melalui kursus dalam talian, dan keluarga pula kekal berhubung," katanya dalam ucapan pada majlis 'Grow With Google' yang diadakan secara maya, pada Khamis.

Iklan oleh Google

Hentikan iklan ini

Mengapa iklan ini? ⓘ

Mustapa berkata, Malaysia kekal komited untuk mencapai sasaran menjadi negara termaju dari segi teknologi, berpacukan digital dan peneraju ekonomi digital serantau menjelang 2030, seperti yang ditetapkan dalam inisiatif MyDIGITAL.

Melalui inisiatif yang dilaksanakan, beliau berkata ekonomi digital dijangka menyumbang 22.6 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia menjelang 2025 dan menjana 500,000 peluang pekerjaan baharu.

"Lebih banyak peluang untuk perniagaan membangun dan berkembang dengan aliran pendapatan digital bagi meningkatkan kecekapan kos melalui teknologi awan," katanya.

Menurut Mustapa, kerajaan menyasarkan 875,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) memanfaatkan e-dagang menjelang 2025 selain matlamat untuk menjadikan 80 peratus daripada perkhidmatan kerajaan secara dalam talian pada tahun yang sama.